



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PALESTIN DAN NILAI KEMANUSIAAN”

20 Oktober 2023 / 5 Rabiul Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal; mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalibun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “PALESTIN DAN NILAI KEMANUSIAAN”

Firman Allah SWT ayat pertama surah al-Isra’:

﴿سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾﴾

Bermaksud: Maha Suci Allah, yang telah menjalankan hamba Nya (Muhammad) pada suatu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin) yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Bumi Palestin merupakan tanah suci umat Islam, bumi yang dikaitkan dengan sejarah para Rasul dan Nabi; memberi makna yang mendalam dalam sanubari umat Islam. Ayat pertama surah al-Isra' yang khatib bacakan pada awal khutbah, menunjukkan betapa Islam mengangkat kemuliaan Masjid al-Aqsa dan bumi Palestin yang dilimpahi keberkatan Ilahi. Terkandung pelbagai ayat al-Quran yang mengiktiraf keberkatan bumi Palestin kerana di situlah tempat kelahiran ramai para Nabi, tanah yang diberkati serta berlangsungnya dakwah tauhid melalui kisah-kisah Nabi Ibrahim, Ismail, Ishak, Sulaiman dan Musa Alaihi Salam.

Masjid al-Aqsa dipilih oleh Allah SWT menjadi tempat persinggahan Rasulullah SAW ketika peristiwa Israk Mikraj untuk Baginda mengimamkan solat bersama sekalian para Rasul. Sebelum umat Islam berkiblatkan Kaabah di Mekah, Masjid al-Aqsa merupakan kiblat pertama umat Islam. Berpandukan sabda Rasulullah SAW, Masjid al-Aqsa ialah masjid ketiga termulia kedudukannya;

لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِي هَذَا، وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى.

Bermaksud: Tidak dituntut melakukan perjalanan yang jauh, melainkan ke tiga buah masjid; Masjidil Haram, masjid ku ini (Masjid Nabawi), dan Masjidil Aqsa.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ilahi,

Pada tarikh 14 Mei 1948, negara Israel yang dirancang oleh Yahudi Zionis, ditubuhkan di bumi Palestin. Sejak penubuhan negara Israel, pelbagai bentuk kekejaman dilakukan oleh pemerintahan Israel terhadap rakyat Palestin termasuk merampas tanah-tanah milik rakyat Palestin. Serangan demi serangan dilakukan dengan penggunaan pelbagai senjata pemusnahan mengakibatkan bumi yang didiami oleh rakyat Palestin menghadapi kemusnahan rumah kediaman, masjid, sekolah, hospital dan pelbagai kemudahan awam lain. Perbuatan zalim dan tidak berperikemanusiaan pemerintahan Israel telah mengakibatkan ramai warga Palestin termasuk warga tua, wanita dan kanak-kanak mengalami kecederaan dan terbunuh.

Rekod Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, mencatatkan dari tahun 2008 sehingga Ogos 2023, lebih enam ribu empat ratus orang rakyat Palestin terkorban, manakala lebih 153 ribu tercedera. Rakyat Palestin turut ditahan dalam penjara, ada yang diusir,



lalu terpaksa membawa diri menagih ihsan di negara lain, hidup sebagai pelarian dengan serba kedaifan; hampir enam juta orang rakyat Palestin kini menjadi mangsa pelarian.

Masjid al-Aqsa dikawal sepenuhnya oleh tentera Israel. Walaupun pada zahirnya umat Islam dibenarkan melakukan ibadah di masjid tersebut, namun hakikatnya pelbagai gangguan dilakukan oleh tentera Israel ketika umat Islam melakukan ibadah. Sifat angkuh Israel lebih tertera apabila tanah suci Baitulmuqaddis dinamakan sebagai ibu negara mereka.

Para tetamu Allah yang dikurniakan naluri insani,

Islam menyanjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan. Sebarang bentuk kezaliman yang merobek nilai kemanusiaan tidak boleh diterima. Segala perbuatan yang menimpa umat Islam Palestin merupakan jenayah yang melanggar hak asasi manusia serta melampaui batas-batas kemanusiaan. Derita yang menimpa umat Islam Palestin seharusnya diinsafi, dan wajib dijadikan pengajaran oleh ummah. Puluhan tahun umat Islam di Palestin menanggung kesengsaraan dan penderitaan, hidup menghadapi tekanan dan dalam ketakutan; malah ramai yang kehilangan orang tersayang. Ketika ummah dikurniakan nikmat keamanan serta berpeluang menjalani kehidupan yang sejahtera; nasib malang yang menimpa saudara seakidah di bumi Palestin, wajib diambil peduli dan dibela. Ummah mempunyai tanggungjawab fardu kifayah - tanggungjawab kemanusiaan, untuk tampil menghulurkan bantuan bagi meringankan penderitaan yang sedang dihadapi oleh umat Islam berpandukan sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Bermaksud: Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia menyayangi saudaranya seperti mana dia menyayangi dirinya.

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Selama 75 tahun rakyat Palestin ditindas, menjalani kehidupan bagaikan berada dalam penjara, dikelilingi tembok dan diawasi oleh tentera Israel. Kebebasan mereka untuk hidup sebagai rakyat yang merdeka dinafikan, pelbagai bantuan dan keperluan hidup mereka disekat, dan pelbagai bakat yang dimiliki oleh anak-anak di bumi Palestin tidak dapat berkembang. Sekalipun begitu, mereka tetap teguh, tidak berganjak untuk meninggalkan bumi Palestin dan cekat mempertahankan kesucian Masjid al-Aqsa, penuh yakin bahawa pembebasan bumi suci itu ialah janji Ilahi yang pasti tiba.



Malaysia merupakan antara negara yang sentiasa mendukung kebebasan dan kemerdekaan rakyat Palestin. Di samping kerajaan, terdapat pelbagai badan bukan kerajaan yang beroperasi menyalurkan bantuan dan khidmat kemanusiaan, seperti menyediakan kelengkapan kanak-kanak, keperluan harian, baik pulih bangunan, ubat-ubatan, pakaian, makanan, minuman dan pelbagai keperluan lain. Bantuan sebegini merupakan salah satu amalan fardu kifayah yang amat digalakkan.

Jemaah yang dimuliakan,

Mimbar menyenaraikan saranan-saranan berikut:

Pertama: Menyelami dan berusaha untuk memahami tragedi yang sedang berlaku dan ujian yang dialami oleh umat Islam di bumi Palestin untuk dijadikan pengajaran agar ummah tampil ke hadapan memikirkan tindakan yang dapat membantu mereka.

Kedua: Masjid al-Aqsa ialah masjid ketiga termulia di bumi Allah. Oleh itu, mempertahankan dan menyelamatkan Masjid al-Aqsa merupakan tanggungjawab keagamaan.

Ketiga: Ummah baik yang kaya mahupun yang miskin hendaklah melakukan pengorbanan, membantu rakyat di bumi Palestin dengan menghulur sumbangan melalui pertubuhan misi kemanusiaan yang berdaftar dan dipercayai. Sumbangan juga boleh terus disalurkan ke Akaun Amanah Kemanusiaan Palestin di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri.

Keempat: Pemimpin, umat Islam dan negara Islam wajib bersatu pendirian mendukung usaha membela rakyat Palestin dan bersatu suara menolak perbuatan zalim Yahudi Zionis.

Kelima: Doa merupakan senjata terkuat orang beriman yang dipohon terus kepada Allah SWT. Ummah perlu berterusan berdoa semoga Allah SWT memberikan kekuatan, perlindungan dan pembelaan terhadap kumpulan yang dizalimi. Ummah juga dianjurkan membaca doa qunut nazilah agar Allah SWT memberikan keadilan kepada rakyat Palestin serta menimpakan pembalasan hukuman kepada pihak yang melakukan kezaliman.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Lindungi Masjidil Aqsa dan Palestin dari cengkaman Yahudi Zionis. Makbulkan doa, rintihan dan munajat umat Islam untuk Palestin. Ringankan penderitaan rakyat Palestin dan gantikannya dengan kebaikan. Limpahi rahmat Mu kepada hamba-hamba Mu dan ahli keluarga mereka yang telah syahid, terkorban mempertahankan bumi Palestin.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.